



Jonathan rangkul kejuaraan 100m, 200m

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Mei 28, 2023 @ 4:44pm
bhsukan@bh.com.my



Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM), Jonathan Nyepa menyumbang pingat emas pada Kejohanan Varsity Track & Field (VTF) 2023 Sirkuit Kedua di Stadium Darul Makmur. NSTP/
Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Atlet pecut kebangsaan, Jonathan Nyepa membuktikan kehebatan apabila merangkul dua pingat emas dalam acara 100 dan 200 meter (m) pada hari kedua Kejohanan Varsity Track & Field (VTF) 2023 Sirkuit Kedua di Stadium Darul Makmur, di sini, semalam.

Mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM), atlet kelahiran Bumi Kenyalang itu mencatat masa 10.60 saat (s) dalam acara 100 meter (m) dan 21.69s dalam acara 200m.

Menurut Jonathan, walaupun catatan masa dalam acara 100m dan 200m pada kejohanan VTF 2023 Sirkuit Kedua kali ini kurang memuaskan namun dia tetap gembira dapat menyumbang emas untuk kontinjen UPM.

Katanya, catatan terbaik peribadi dalam acara 100m ialah 10.28s dan 20.92s dalam acara 200m.

"Impian menyumbang kilauan emas untuk kontinjen UPM pada kejohanan VTF 2023 Sirkuit Kedua telah saya buktikan yang diharap menjadi pencetus kepada kejuaraan kali kedua berturut-turut kepada kontinjen UPM.

"Pada kejohanan VTF 2023 Sirkuit Pertama di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Mac lalu. UPM muncul juara keseluruhan apabila meraih 24 emas, 13 perak dan lapan gangsa.

"Bagaimanapun, saya tidak berpeluang menyertai kejohanan VTF 2023 Sirkuit Pertama kerana sedang membuat persiapan bersaing pada Kejohanan Sukan SEA Kemboja awal bulan ini," katanya.

Menurut penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber UPM itu, penyertaan pada kejohanan VTF 2023 Sirkuit Kedua ini sebagai pemanas badan sebelum menyertai kejohanan olahraga di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selepas.

"Kejayaan meraih pingat emas pada VTF 2023 Sirkuit Kedua di Kuantan ini menjadi pengubat selepas hanya meraih pingat gangsa dalam acara 4x100m dan menduduki tempat keempat acara 200m di Sukan SEA," katanya.